



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA


UiTM *di hatiku*

80th ISSUE
VID

UiTM Sarawak Bulletin

INFOKAMPUS

Feb 2021



116215

Info kampus Feb 2021 / UiTM Cawangan
Sarawak

UiTM
SARAWAK

*pays courtesy visit to the
Chief Minister
of Sarawak*

Courtesy Visit
Datuk Hj Abdul Karim
Rahman Hamzah

MOA

UiTM & STOMA SDN BHD

KAIB 2020

Soars to Greater Heights

innosTRE
First Hybrid Conference



PETUGAS BARISAN HADAPAN PELAJAR (SIRI 1)

Pengarang:

Mohammad Ashraff Bin Sanuddin

Pada 18 Mac 2020 lalu kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bagi mencegah penularan wabak pandemik koronavirus (COVID-19). Sepanjang tempoh PKP tersebut, ia sedikit sebanyak memberi impak kepada rakyat khususnya mahasiswa di seluruh institut pengajian tinggi. Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak, hampir 2,000 pelajar terkandas dalam asrama dan rumah sewa yang berdekatan universiti. Rentetan itu, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mengorak langkah proaktif bagi menjaga kebajikan dan keselamatan setiap pelajar UiTM Cawangan Sarawak. Usaha ini mendapat kerjasama dari pelbagai pihak di kampus Samarahan dan Samarahan 2 antaranya ialah Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman (JPK) Seri Mulu, JPK Seri Serapi, JPK Seri Gading, JPK Seri Pinang 1 dan 2 serta Jawatankuasa Perwakilan Masjid Al-Qurawiyyin (JPMQ).

Sebagai petugas barisan hadapan, kami sentiasa memastikan sumbangan segera disampaikan kepada setiap individu pelajar di samping mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan. Kami juga menyuarakan hasrat para pelajar kepada pihak pengurusan universiti agar mereka dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing berikutan lanjutan tempoh PKP di seluruh negara. Alhamdulillah pihak pengurusan universiti mengambil berat hal ini dan telah menyediakan perkhidmatan pengangkutan untuk menghantar pulang para pelajar ke kediaman masing-masing.

Pengalaman ini menguji kredibiliti dan kepimpinan kami sebagai petugas barisan hadapan di universiti ini. Usaha ini tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa kerjasama pelbagai pihak dalam menghulurkan bantuan demi menjaga kebajikan dan keselamatan para pelajar khususnya.

PETUGAS BARISAN HADAPAN PELAJAR (SIRI 2)

Pengarang:



Khairulanwar Akmal Abdul Asui

Pada 10 Jun 2020 Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan di seluruh negara bagi menggantikan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sejak 1 Mei sehingga 9 Jun 2020. PKPP ini memberi banyak kelonggaran kepada rakyat di samping menjaga penjarakan sosial dalam kehidupan seharian. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan sepanjang tempoh PKPP ini ialah perjalanan merentas negeri.

Sebagai petugas barisan hadapan di UiTM Cawangan Sarawak, banyak perancangan disusun rapi sebelum membenarkan hampir 2000 pelajar yang terkandas di asrama dan rumah sewa untuk pulang ke kampung halaman masing-masing. Langkah awal yang diambil ialah mengumpul maklumat setiap individu pelajar. Kemudian ia dilaksanakan secara berperingkat mengikut negeri masing-masing. Bagi para pelajar yang akan pulang ke semenanjung Malaysia dan Sabah, kos penerbangan dan perjalanan mereka ditanggung sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Manakala bagi para pelajar yang menuju ke destinasi dalam negeri Sarawak, pengangkutan bas disediakan.

Sebelum bertolak, para pelajar diberi taklimat terlebih dahulu oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Dewan Jubli. Setelah itu, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) melakukan operasi sanitasi ke atas setiap barangan pelajar bagi mencegah penularan wabak pandemik ini sepanjang perjalanan. Selain itu, para pelajar diberi pelitup muka tambahan dan suhu badan diimbas sebelum memulakan perjalanan pulang. Pergerakan pelajar sepanjang perjalanan dikawal ketat oleh pelbagai pihak iaitu PDRM, BOMBA, Unit Pengurusan Kolej Kediaman, Unit Kesihatan, Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri UiTM Cawangan Sarawak dan sebagainya. Ia bertujuan menjaga kesihatan setiap individu pelajar di samping menjamin keselamatan mereka sehingga ke kediaman masing-masing.

Bagi pihak Majlis Perwakilan Pelajar, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan UiTM Cawangan Sarawak dan pihak berkuasa negeri atas pengorbanan masa, tenaga dan kewangan dalam melaksanakan yang terbaik untuk para pelajar UiTM Cawangan Sarawak. Ini adalah pengalaman berharga dalam mendidik sifat kepimpinan kami sebagai petugas barisan hadapan.





INFOKAMPUS

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak
94300 Kota Samarahan,
Sarawak,
Malaysia
+6082 677 200

ISSN: 2232-1578



772232 157005